

Malaysia model Islam progresif

UM 2 b APR 2002

TRIPOLI 19 April - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia merupakan model sebuah negara Islam progresif yang menyediakan iklim sesuai untuk pelaburan asing.

Ini kerana, kata Perdana Menteri, Malaysia bersikap toleran dan mempunyai tahap keselamatan yang tinggi walaupun beberapa laporan media Barat memberi gambaran negatif mengenai negara ini ekoran kejadian 11 September di Amerika Syarikat.

"Sebagai sebuah negara pelbagai kaum dan bahasa dengan rakyatnya hidup dalam kesejahteraan, Malaysia memiliki kekuatannya daripada kepelbagaian etniknya," kata beliau pada majlis makan malam dengan ahli perniagaan Libya, semalam.

Dr. Mahathir berkata, bahawa kestabilan politik, keharmonian kaum serta berfikiran progresif merupakan instrumen dalam pertumbuhan ekonominya.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi purata lebih daripada 8 peratus setahun sejak 1988 sehingga 1997 iaitu sebelum dilanda krisis kewangan Asia Timur.

Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia mengalami pengecutan ekonomi 7.4 peratus pada 1998, ia bagaimanapun pulih dengan cepat untuk mencatatkan pertumbuhan 6.1 peratus pada tahun berikutnya dan 8.3 peratus pada 2000.

"Kelembapan pertumbuhan ekonomi sejagat pada 2001 menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia sehingga mencatatkan pertumbuhan 0.4 peratus saja tetapi dengan jangkaan ekonomi yang semakin pulih, kita jangka pada tahun ini akan mencatatkan pertumbuhan 3.5 peratus.

"Dari sebuah negara yang bergantung kepada bahan komoditi dalam tempoh 40 tahun dahulu, ekonomi Malaysia kini berteraskan kepada pelbagai aktiviti ekonomi.

"Malaysia merupakan negara perdagangan yang ke-18 terbesar di dunia dengan 80 peratus membabitkan barangan perkilangan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau telah dimaklumkan mengenai usaha Libya untuk menarik pelaburan asing berikutan sekatan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1999.

Bekerjasama

Menurut beliau, sepertimana Malaysia yang berjaya dalam usahanya menarik pelaburan asing selama beberapa tahun, Malaysia sanggup berkongsi pengalamannya dengan Libya dan bekerjasama ke arah itu.

"Syarikat-syarikat Malaysia terlibat dalam pelbagai bidang termasuk bidang pengeluaran, pembinaan lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang dan telekomunikasi," katanya.

Beliau berkata, walaupun Malaysia secara rela-

tifnya sebuah negara kecil dengan penduduk sebanyak 24 juta, namun ia merupakan pintu masuk kepada pasaran bagi 530 juta penduduk ASEAN yang kini dalam rangka memasuki Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

Masyarakat perniagaan Libya perlu menggunakan Malaysia sebagai batu loncatan mereka ke dalam pasaran Asean kerana kita mempunyai hubungan perdagangan dengan negara Asean, katanya.

Dengan adanya perjanjian perdagangan dua hala, ekonomi dan perjanjian kerjasama saintifik semalam, Dr Mahathir berkata, kedua-dua negara telah meletakkan asas untuk menjalin kerjasama lebih erat.

Beliau bagaimanapun berkata, kerjasama itu dapat direalisasikan dengan berkesan jika ada penglibatan aktif sektor swasta dari kedua-dua negara.